

SEMINAR PENGURUSAN HUBUNGAN ETNIK : ISU DAN CABARAN

Hal Ehwal Pelajar

Telah Dihantar: 18 April 2010 10:53**Kepada:** UUM - All Staff; UUM All Student**Lampiran-lampiran:** DSC00194.JPG (787 KB); DSC00209.JPG (909 KB); DSC00210.JPG (869 KB); DSC00211.jpg (679 KB)

ASSALAMUALAIKUM

SEMINAR PENGURUSAN HUBUNGAN ETNIK : ISU DAN CABARAN PERINGKAT IPT

Satu seminar Pengurusan Hubungan Etnik di Institusi Pengajian Tinggi (IPT), telah diadakan pada 12 dan 13 April 2010, baru-baru ini bertempat di Hotel Concorde Inn, KLIA. Seminar ini telah dianjurkan oleh Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan kerjasama Institut Kajian Etnik (KITA) dan Kementerian Pengajian Tinggi.

Seramai 75 orang peserta, terdiri dari pegawai pembangunan pelajar, ahli akademik dan penasihat badan pelajar, Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) telah mengikuti seminar ini. Antara IPTS yang turut serta dalam seminar ini ialah Open University Malaysia (OUM) dan Universiti Teknologi Petronas (UTP), manakala IPTA yang terlibat dalam seminar ini adalah seperti UUM, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan beberapa IPTA lain. Program ini bertujuan meningkatkan kefahaman pentadbir berkaitan pengurusan hubungan etnik di kalangan mahasiswa di IPT, serta membina daya kepimpinan di kalangan pentadbir IPTA untuk mempertingkatkan perpaduan kaum dan integrasi nasional di universiti.

Program yang berlangsung selama 2 hari, diisi dengan taklimat yang berguna kepada para pegawai bagi kelengkapan sebagai pentadbir. Tema seminar adalah Pengurusan Hubungan Etnik : isu dan cabaran.

Forum pertama seminar telah menampilkan tiga orang penceramah iaitu Prof. Dr. Mansor Mohd Noor dari KITA, Dr. Ranjit Singh dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Ainuddin Lee Iskandar Abdullah dari UUM dengan tajuk *Mengurus Kegiatan Pelajar Pelbagai Etnik dalam Kegiatan Mahasiswa*. Bengkel pada slot ke dua dan ke empat telah disampaikan oleh Prof. Dr. Mansor Mohd Noor, dan Dr. Asmah Abdullah serta rakan dengan tajuk *Mengenal dan memahami Kepelbagaian Etnik di IPT* serta *Mengurus Kegiatan Pelajar Pelbagai Etnik dalam Kegiatan Mahasiswa*. Slot ke tiga *Pengurusan Rukun Tetangga dan Kelab Rukunegara* disampaikan oleh wakil dari Jabatan Perpaduan Negara dan slot terakhir *Managing Ethnicity Among Multethnic Students* disampaikan penceramah Prof. Dato' Sawai, Group Advisor CD Communication Sdn Bhd.

Sekian.

"TRANSFORMASI HEP"

DARIPADA

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA